

## **PERSEPSI MAHASISWA OPEN UNIVERSITY MALAYSIA (OUM) TERHADAP KONFLIK POLITIK PALESTIN-ISRAEL**

*(The Perception of Open Universiti Malaysia Students on Political Conflict of Palestine-Israel)*

Muhammad Jeffery Hizwan bin Said

### **ABSTRAK**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti dan mengkaji persepsi mahasiswa Open University Malaysia (OUM) terhadap konflik politik Palestin-Israel. Ini adalah kerana kepekaan seseorang mahasiswa terhadap isu semasa mampu melatih mereka menjadi suara pencerah dalam masyarakat. Bagi tujuan kajian ini, terdapat tiga aspek utama kajian iaitu; tahap pengetahuan, pandangan/pendirian, dan hubungan antara tahap pengetahuan dan pandangan/pendirian mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel. Ketiga-tiga aspek ini membentuk kepada objektif utama kajian iaitu untuk mengukur persepsi mahasiswa terhadap konflik politik Palestin-Israel. Alat kajian yang digunakan ialah set soal selidik atas talian SurveyMonkey. Seramai 108 orang pelajar OUM terlibat menjadi responden bagi mewakili populasi kajian. Responden-responden ini dipilih secara rawak yang dijemput dari forum atas talian myINSPIRE OUM, dan juga email dalaman OUM. Teknik persampelan yang digunakan ialah teknik persampelan bola-salji untuk mendapatkan saiz sampel yang secukupnya. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif dan kaedah statistik inferensi. Perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 21 digunakan untuk menganalisis data. Dapatan kajian mendapati tahap pengetahuan dan pandangan/pendirian mahasiswa OUM terhadap konflik Palestin-Israel adalah tinggi. Rata-rata responden mempunyai pengetahuan yang baik terhadap isu tersebut. Hasil ujian juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan pandangan/pendirian. Semakin tinggi tahap pengetahuan mahasiswa terhadap konflik politik Palestin-Israel, semakin baik pandangan/pendirian mereka terhadap isu tersebut. Berdasarkan hasil kajian, dapat disimpulkan bahawa persepsi mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel berada di tahap yang positif. Oleh yang demikian, sebagai pewaris pemimpin negara, mahasiswa harus ke hadapan dalam mencerahkan konflik politik Palestin-Israel kepada masyarakat supaya isu tersebut dapat difahami dengan jelas dan tepat.

**Kata kunci:** mahasiswa, OUM, Palestin-Israel, persepsi, konflik

### **ABSTRACT**

This study aims to identify and examine the perception of Open Universiti Malaysia students on political conflict of Palestine-Israel. The awareness of a students to current issues can train them to become a voice in the society. For the purposes of this study, there are three main aspects of the study: level of knowledge, views/opinion, and the relationship between the level of knowledge and the views/opinion on the Palestine-Israel political conflict. These three aspects form the main objectives of the study, namely to measure student perceptions of the Palestine-Israel political conflict. The survey tool used is SurveyMonkey's online survey set. A total of 108 OUM students are involved as respondents to represent the population of the study. These respondents were randomly selected from those invited from myINSPIRE OUM on-line forums, as well as OUM's internal email. The sampling technique used is snowball sampling technique to obtain sufficient sample size. The data obtained

were analyzed using descriptive statistical method and inferential statistical method. Statistical Package for Social Science (SPSS) version 21 is used to analyze data. The findings show that the level of knowledge and views of OUM students on the Palestinian-Israeli conflict is high. Most respondents have good knowledge of the issue. The study results also found that there was a significant relationship between the level of knowledge and the views/opinion. The higher the level of student's knowledge of Palestine-Israel issues, the better their views/opinion on the issue. Based on the findings, it can be concluded that the perception of OUM students on Palestinian-Israeli issues is at a positive level. Therefore, as the voice of the society, students have to move forward in enlightening the Palestine-Israel issue to the public so that the issue can be clearly and precisely understood.

**Keywords:** students, OUM, Israeli-Palestinian, perception, conflict

## **PENGENALAN**

Mendekati sisi kehidupan mahasiswa bukan semata-mata dari sudut mereka meraih keputusan cemerlang, tetapi perlu juga mengambil kira peranan mereka dalam masyarakat. Hal ini adalah kerana mahasiswa adalah satu kuasa yang mesti diberikan perhatian dan diambil perhitungan (a force to be reckoned with) (Saifuddin Abdullah, 2009). Dalam liputan sejarah universiti, masyarakat dan negara, peranan mahasiswa dalam masyarakat mempunyai sejarahnya yang tersendiri.

Sememangnya sering diperkatakan bahawa mahasiswa merupakan generasi yang akan mewarisi kepimpinan negara pada masa akan datang. Golongan ini juga merupakan aset kepada pembangunan negara dan kelangsungan perjuangan bangsa dan agama. Jatuh bangunnya masyarakat masa hadapan banyak bergantung kepada sumbangan masyarakat teras ini. Bak kata pepatah melayu "Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara".

Oleh yang demikian, adalah menjadi kewajipan kepada mahasiswa untuk menyematkan sanubari dengan tindakan yang positif, proaktif dan progresif untuk mengelak dari dilabel negatif seperti mahasiswa bisu, lesu, longlai dan sebagainya. Seharusnya, mahasiswa perlu bergerak ke hadapan dengan berbekalkan idealisme dan semangat serta berusaha untuk menguasai ilmu dan kemahiran yang mampu diaplikasikan dalam arus perdana.

Pada masa yang sama, mahasiswa juga perlu peka kepada isu-isu semasa dalam memastikan mereka sentiasa terkehadapan dalam memberi pandangan yang lebih konstruktif kepada masyarakat. Hal ini dapat dicapai sekiranya mahasiswa memperkasakan diri mereka melalui perjuangan ilmu. Jika kita telusuri kitab suci Rasulullah SAW dan para sahabat seperti Saidina Ali, kita akan mendapati di sebalik keagungan kepimpinan dan ketakwaan mereka kepada Allah SWT ilmu pengetahuan yang mampan adalah menjadi rahsianya (Danial Zainal Abidin, 2008).

Justeru itu, konsep penguasaan ilmu wajar menjadi prinsip utama dalam kehidupan setiap mahasiswa. Mahasiswa sepatutnya bukan hanya menumpukan keputusan peperiksaan yang cemerlang atau sekadar mendapat sekeping ijazah sahaja. Sebaliknya, mahasiswa perlu mempunyai semangat cinta akan ilmu yang merupakan momentum penting ke arah memahami erti kehidupan yang sebenar. Setiap ilmu yang dipelajari wajar ditafsirkan dan diterjemahkan mengikut kaca mata ilmiah yang betul. Hal ini kerana kesanggupan berfikir merupakan penghasilan ke arah pemahaman intelektual, kepimpinan berkesan dan memperlengkapkan manusia dengan ilmu pengetahuan (Ibnu Khaldun, 2002). Natijahnya, hakikat akhir sesuatu proses berfikir mampu membawa mahasiswa ke landasan kebenaran.

Mahasiswa perlu menyedari bahawa mereka adalah terdiri daripada golongan yang berilmu dan golongan yang dihormati pandangannya oleh masyarakat. Oleh yang demikian, mahasiswa haruslah memanfaatkan segala macam ilmu yang diperolehi di bumi yang bertuah ini dengan

mengaplikasikan sepenuhnya dengan menghasilkan segala idea-idea yang bernas untuk membuka mata dan minda masyarakat. Dengan ilmu di dada, maka lahirlah satu wadah untuk menjana dan menggerakkan semangat dalam menegakkan yang haq dan menentang yang batil pada era yang penuh mencabar ini.

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Konflik politik Palestin-Israel adalah salah satu contoh untuk menilai peranan mahasiswa dalam pencerahan masyarakat. Isu global ini sering mendapat perhatian masyarakat dunia rentetan kekejaman rejim Zionis ke atas warga Palestin. Dan baru-baru ini, tindakan Presiden Amerika Syarikat (AS) telah mengiktiraf Baitulmaqdis atau Jerusalem sebagai ibu negara Israel pada 6 Disember 2017 menghangatkan lagi polemik konflik Palestin-Israel (Ashwad Ismail, 2017).

Sesungguhnya, ini bukan kali pertama konflik Palestin-Israel mendapat perhatian dunia. Konflik yang berlaku di Palestin di antara Arab dan Israel telah berlarutan sejak sekian lama. Jika dikira dari tarikh rasmi penubuhan negara Israel pada 15 Mei 1948, konflik Palestin-Israel telah berlangsung selama lebih enam dekad. Dan jika dikira dari aspek sejarah Palestin moden, konflik di Palestin telah bermula seawal tahun 1917 lagi. Iaitu semasa Palestin masih dijajah British (Oo Cheng Keat, 2017).

Namun begitu, dewasa ini rata-rata majoriti masyarakat tidak memahami dan kurang berpengetahuan tentang konflik politik Palestin-Israel. Walaupun pada dasarnya konflik politik Palestin-Israel adalah isu penting khususnya kepada dunia Islam (Mohd Roslan Mohd Nor, 2010). Isu ini kurang mendapat perhatian masyarakat lain melainkan terdapat perkembangan sensasi yang berlaku di negara tersebut. Hal ini terjadi kerana kebanyakan orang ramai berpendapat bahawa isu Palestin-Israel hanyalah isu picisan dan isu bermusim. Rata-rata masyarakat menganggap konflik Palestin-Israel hanya berpunca dari pertelingkahan agama iaitu antara agama Islam yang menjadi agama majoriti orang Arab dan agama Yahudi dalam kalangan orang Yahudi. Bahkan terdapat juga antara mereka yang langsung tidak mengetahui dan mengambil peduli mengenai konflik politik Palestin-Israel (Mohd Roslan Mohd Nor, 2010). Keadaan ini secara tidak langsung telah menggambarkan seolah-olah Palestin adalah negara asing yang terpinggir dan tidak wujud di muka bumi ini, sedangkan konflik Palestin-Israel ini melibatkan isu tanah, isu kemerdekaan, isu neo-kolonialisme dan isu keperibadian sesebuah bangsa, isu keadilan dan kemanusiaan sejagat (Khaled Diab, 2015).

Justeru itu, satu perkara yang menarik untuk diteroka ialah persepsi mahasiswa universiti terhadap konflik politik Palestin-Israel. Kita perlu mengetahui dan cuba meneroka apakah yang difikirkan oleh mahasiswa berkaitan dengan isu ini? Sebagai golongan yang bakal mengambil alih kepimpinan negara pada masa hadapan, kita wajar melihat persepsi mereka berhubung isu yang menjadi perhatian masyarakat dunia dewasa ini. Tambahan lagi, sebagai seorang mahasiswa dalam masyarakat madani adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk memberikan pencerahan yang tepat mengenai isu-isu utama seperti konflik politik Palestin-Israel.

Hal ini adalah selari seperti yang dinyatakan oleh Ibrahim Ali (1996), sesuatu idea tidak kira betapa hebat sekalipun adalah tidak bermakna sehinggalah idea tersebut dipindahkan dan difahami oleh orang lain. Menurut Rogers (2003) pula, sesuatu idea baru amat susah diterima atau terdapat rintangan walaupun idea tersebut mempunyai banyak kelebihan yang ketara. Hal ini kerana manusia kebiasaannya akan memberi reaksi yang tertentu terhadap sesuatu perkara baru berdasarkan tanggapan dan pandangan dunia (world view) yang berbeza-beza. Tambahan pula, setiap individu dalam masyarakat memiliki pelbagai ragam yang terdiri daripada individu-individu yang mempunyai pendapat, sikap, nilai dan kepercayaan yang berlainan. Di sinilah mahasiswa berperanan menyampaikan idea-idea tersebut agar difahami oleh masyarakat lain.

Hal ini juga amat berkait rapat dengan isu pembangunan menyeluruh mahasiswa yang diberi perhatian oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT). Kesedaran mahasiswa dalam isu-isu utama dilihat dapat membantu membangunkan mereka secara holistik kerana secara relatifnya mereka akan menyertai masyarakat tanpa mengira apa pun bidang pengajian mereka. Pemahaman isu-isu semasa dalam dan luar negara akan mematangkan mereka sebagai persediaan untuk berada di tengah masyarakat nanti. Tidak lupa juga perkara-perkara sebegini merupakan aspek kemahiran insaniah yang diperlukan oleh mahasiswa di universiti.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini diharapkan dapat memenuhi objektif berikut:

1. Untuk mengenal pasti tahap pengetahuan mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel.
2. Untuk mengenal pasti pandangan/pendirian OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel.
3. Untuk mengkaji hubungan antara tahap pengetahuan dengan pandangan/pendirian mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini berbentuk tinjauan yang menggunakan kaedah kuantitatif kerana ia sesuai bagi mendapatkan maklumat yang banyak dalam masa yang singkat. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian bagi menjawab persoalan-persoalan yang berkaitan dengan persepsi mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel.

Menurut Chua (2011), kajian tinjauan merupakan salah satu kaedah penyelidikan bukan eksperimental yang paling popular, yang digunakan dalam pelbagai bidang, terutamanya dalam bidang sains sosial. Ia biasanya digunakan untuk mendapatkan pandangan orang ramai mengenai sesuatu isu semasa. Kajian jenis ini adalah popular kerana mempunyai ciri-ciri penggunaan yang menyeluruh, cara pengendalian yang digemari, cara memungut data yang cepat, penggunaan saiz sampel yang besar, maklumat yang telus dan keupayaan keputusan kajian digeneralisasikan.

### ***Populasi dan Sampel Kajian***

Menurut Ghafar (2003), populasi ialah sekumpulan masyarakat yang mempunyai ciri yang sama. Wakil atau contoh am populasi ialah sampel. Menurut beliau lagi, ahli sampel yang memberikan maklum balas dinamakan sebagai responden atau subjek.

Menurut Azizi Yahya et al., (2007) pula, populasi merujuk kepada satu set lengkap semua kumpulan dan dalam kajian ini ia merujuk kepada satu kumpulan manusia manakala sampel pula ialah sebahagian daripada populasi yang dipilih secara rawak. Tugas utama dalam pemilihan sampel adalah memilih sampel daripada populasi yang dimaksudkan. Populasi juga merupakan satu sumber data atau maklumat yang diperolehi berkaitan penyelidikan yang dijalankan.

Oleh yang demikian, bagi tujuan kajian ini, 108 orang pelajar OUM telah terlibat menjadi sampel kajian bagi mendapatkan data berkenaan persepsi mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel. Memandangkan OUM ialah sebuah universiti untuk pelajar separuh masa yang terdiri daripada golongan dewasa yang sedang bekerja, adalah sukar untuk pengkaji berjumpa dengan pelajar-pelajar ini secara bersemuka. Tambahan pula, waktu tutorial OUM hanya diadakan pada tarikh-tarikh tertentu dan mengikut kumpulan-kumpulan yang berbeza. Situasi ini membuatkan

pengkaji sukar untuk mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar-pelajar yang secukupnya. Dengan itu, pengkaji memilih teknik persampelan bola salji untuk mendapatkan jumlah sampel yang mencukupi. Menurut Othman Talib (2013), teknik bola salji digunakan bagi kajian yang memerlukan responden mengenal pasti responden lain yang sesuai. Teknik ini memudahkan pengkaji dan menjimatkan masa. Menurut Othman Talib (2013) lagi, teknik ini berkesan jika dilakukan melalui penggunaan Internet iaitu melalui laman sesawang sosial. Rasional pengkaji memilih teknik persampelan ini ialah kerana medium pembelajaran di OUM bergantung sepenuhnya menggunakan Internet. Pelajar-pelajar berinteraksi bersama tutor, pensyarah, atau dengan pelajar lain melalui forum atas talian myINSPIRE dan juga melalui laman sosial seperti Facebook. Selain itu, penggunaan e-mel juga menjadi salah satu saluran pembelajaran di OUM. Oleh itu, pengkaji berkeyakinan adalah sangat sesuai untuk mendekati pelajar-pelajar ini melalui saluran-saluran yang sama.

### ***Instrumen Kajian***

Setelah kaedah persampelan ditentukan, instrumen untuk mengukur dan memperolehi data pula ditentukan. Instrumen yang dipilih ini akan menentukan jenis data yang diperolehi dan sekaligus mempengaruhi jenis analisis penyelidikan. Instrumen ialah alat yang digunakan untuk mengukur dan memperolehi data. Ia digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi, pandangan dan keterangan latar belakang (Ghaffar, 2003). Pengkaji telah memilih soal selidik dengan membina satu set soalan sebagai instrumen untuk kajian ini yang diedarkan kepada responden bagi mendapat maklum balas mengenai persepsi mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel.

Pengkaji telah memilih soal selidik atas talian iaitu SurveyMonkey untuk dijadikan sebagai borang soal selidik. Penggunaan borang soal selidik jenis ini pada hemat pengkaji adalah bersesuaian memandangkan cara ini lebih mudah berbanding menggunakan soal selidik jenis borang kertas. Pengkaji hanya perlu menghantar pautan kepada borang tersebut yang mana responden dapat menjawab dengan menggunakan telefon bimbit atau komputer. Penggunaan SurveyMonkey juga bersesuaian dengan teknik persampelan kajian ini yang menggunakan teknik bola salji. Pautan kepada borang atas talian ini dihantar kepada responden melalui e-mel, laman sesawang sosial dan juga forum myINSPIRE OUM. Responden-responden yang terlibat juga boleh berkongsi pautan tersebut kepada rakan-rakan sekuliah mereka melalui e-mel, forum myINSPIRE dan juga laman sesawang sosial.

Borang soal selidik atas talian SurveyMonkey ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A bertujuan untuk mengumpul maklumat berkaitan latar belakang responden. Bahagian ini memerlukan responden menandakan salah satu jawapan yang berkenaan. Bahagian A menggunakan senarai semak nominal iaitu soal selidik A adalah berkaitan dengan profil responden. Selain itu, Bahagian A juga berkaitan dengan demografi responden yang mengandungi item untuk mendapatkan data maklumat diri responden yang merangkumi umur, jantina, agama, tahap pengajian dan kluster pengajian.

Seterusnya, bahagian B mengandungi 20 item soalan. Terdapat dua konstruk soalan pada bahagian ini yang mewakili pembolehubah yang digunakan. Konstruk 1 (Pembolehubah Tidak Bersandar) bertujuan untuk menilai tahap pengetahuan mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel, manakala konstruk 2 (Pembolehubah Bersandar) pula bertujuan untuk mendapatkan pandangan/pendirian mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel. Bahagian ini menggunakan kaedah skala likert, iaitu responden dikehendaki untuk menandakan jawapan mereka mengenai sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala, dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain (Abdul Ghaffar, 2003).

### **Analisis**

Data Dengan menggunakan paparan muka atas talian SurveyMonkey, pengkaji akan menjana laporan penuh borang soal selidik yang sudah diisi dalam bentuk Excel dan teks sebelum dipindahkan ke perisian SPSS versi 21 bagi tujuan analisis data.

Demografi responden dilaporkan dalam bentuk taburan frekuensi dan peratusan data-data ini dipersembahkan dalam bentuk jadual. Tujuannya untuk memberi gambaran topologi kajian yang merangkumi dari pelajar-pelajar OUM yang berbeza jantina, umur, tahap pengajian, dan kluster pengajian.

Bagi memenuhi objektif 1 dan 2 kajian iaitu untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan mengenal pasti pandangan/pendirian mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel, statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis data. Data-data akan dipersembahkan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Nilai purata atau min digunakan untuk menilai persepsi mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel. Bagi tujuan ini, analisis pengelasan skor min dan tahap penilaian oleh Mohd Majid (2000) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 digunakan sebagai rujukan kajian.

**Jadual 1: Pengelasan Skor Min dan Tahap Penilaian**

Pengelasan Skor Min	Tahap Skor
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Mohd Majid (2000)

Bagi memenuhi objektif 3 iaitu mengkaji hubungan antara tahap pengetahuan dengan pendirian dan pandangan mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel, analisis data Korelasi Pearson digunakan. Pengelasan korelasi Pearson dari Collins dan Hussey (2009) seperti yang ditunjukkan pada jadual 2 dijadikan sebagai rujukan.

**Jadual 2: Pengelasan Korelasi Pearson**

Pekali Korelasi	Penerangan
$\pm 0.90 - 0.99$	Sangat Tinggi
$\pm 0.70 - 0.89$	Tinggi
$\pm 0.40 - 0.69$	Sederhana
$\pm 0 - 0.39$	Rendah

Sumber: Collins & Hussey (2009).

### **Kajian Rintis**

Sebelum kajian sebenar dijalankan, kajian rintis telah dijalankan. Kajian rintis ialah kajian awal yang dijalankan sebelum menjalankan kajian sebenar. Menurut Ghaffar (2003), kajian rintis dijalankan adalah untuk mengetahui nilai kebolehpercayaan serta kesahan item-item soal selidik yang dibina sebelum kajian sebenar dijalankan. Pengkaji telah menjalankan kajian rintis ke atas 10 orang responden. Kajian rintis yang dibuat ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang hendak digunakan oleh pengkaji. Di samping itu, kajian rintis ini juga

adalah untuk memastikan soal selidik yang diedarkan kepada sampel sebenar adalah berkualiti. Analisis daripada kajian dibuat dengan menggunakan ujian reliabiliti pada program Statistical Package for The Social Sciences (SPSS) versi 21. Kebolehpercayaan item-item ditunjukkan oleh nilai alf Cronbach 0 hingga 1.0. Semakin besar nilai pekali sesuatu item, maka semakin tinggi darjah kebolehpercayaan item tersebut. Menurut Othman Talib (2013), nilai pekali alfa Cronbach yang optimum bagi instrumen yang baik ialah melebihi 0.8. Jadual 3 menunjukkan nilai kebolehpercayaan bagi kajian rintis yang telah dijalankan.

**Jadual 3: Nilai Pekali alfa Cronbach Skala Persepsi (kajian rintis)**

No soalan	Konstruk Soalan	Nilai $\alpha$
6,7,8,9,10,11,12,13,14,15	Tahap Pengetahuan	.883
16,17,18,19,20,21,22,23,24,25	Pendirian/Pandangan	.711

## DAPATAN KAJIAN

### *Taburan Demografi Responden*

Seramai 108 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa OUM terlibat dalam kajian ini. Dari keseluruhan sampel kajian, 51 orang adalah lelaki manakala 57 orang lagi adalah perempuan. Jumlah ini menunjukkan 47.2% responden adalah lelaki manakala 52.8.% pula adalah perempuan.

**Jadual 4: Taburan Demografi Responden**

Demografi	Kekerapan	Peratusan
Jantina Lelaki	51	47.2%
Perempuan	57	52.8%
Kategori Umur 18 – 20 tahun	1	0.9%
21 – 30 tahun	54	50%
31 – 40 tahun	35	32.4%
41 – 50 tahun	17	15.7%
51 tahun ke atas	1	0.9%
Agama Islam	91	84.3%
Kristian	7	6.5%
Buddha	4	3.7%
Hindu	4	3.7%
Lain-lain	2	1.9%
Tahap Pengajian Diploma	38	35.2%
Sarjana Muda	50	46.3%
Sarjana	18	16.7%
Doktor Falsafah (PhD)	2	1.9%
Kluster Pengajian Kluster Pendidikan & Sains Sosial	35	32.4%
Kluster Sains Gunaan	17	15.7%
Kluster Pengurusan & Perniagaan	56	51.9%

n=108

Dari sudut umur pula. Data kajian menunjukkan seramai 1 orang responden (0.9%) berumur antara 18 – 20 tahun, 54 orang (50%) berumur antara 21 -30 tahun, 35 orang (32.4%) berumur antara 31 - 40 tahun, 17 orang (15.7%) berumur antara 41 – 50 tahun dan 1 orang (0.9%) berumur lebih dari 51 tahun. Taburan umur yang perlbagai dalam kalangan pelajar-pelajar OUM adalah biasa memandangkan institusi pengajian tersebut menawarkan pengajian kepada semua peringkat umur.

Dari aspek agama, majoriti responden beragama Islam iaitu dengan kekerapan 91 orang (84.3%) manakala agama Kristian dengan kekerapan tujuh orang (6.5%), agama Buddha empat orang (3.7%), agama Hindu empat orang (3.7%) dan agama lain-lain dua orang (1.9%).

Tahap pengajian mahasiswa OUM yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini pula menunjukkan seramai 38 orang (35.2%) terdiri daripada pelajar di peringkat diploma, seramai 50 orang (46.3%) terdiri daripada pelajar di peringkat sarjana muda, seramai 18 orang (16.7%) terdiri daripada pelajar peringkat sarjana dan 2 orang (1.9%) adalah di peringkat doktor falsafah ataupun Phd.

Jumlah responden mengikut kluster pengajian pula terdiri daripada tiga jenis kluster iaitu; Kluster Pendidikan dan Sains Sosial seramai 35 orang (32.4%), Kluster Sains Gunaan 17 orang (15.7%) dan Kluster Pengurusan dan Perniagaan iaitu 56 orang (51.9%).

### ***Tahap Pengetahuan Mahasiswa Terhadap Konflik Politik Palestin-Israel***

Hasil keputusan yang diperoleh daripada analisis deskriptif tahap pengetahuan mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel menunjukkan nilai bacaan min keseluruhan pada nilai 4.0102. Berdasarkan skor pengelasan min dan tahap penilaian oleh Mohd Majid Konting (2000) menunjukkan bacaan nilai tersebut dikelaskan di tahap yang tinggi (Jadual 5).

**Jadual 5: Analisa Tahap Pengetahuan**

No. Item	Pernyataan	Sangat Bersetuju	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju	Sangat Tidak Bersetuju	Min
6.	Palestin ialah sebuah negara Arab di Asia Barat.	47	38	18	5	0	4.1759
7.	Israel ialah sebuah negara baharu yang dibentuk pada tahun 1948.	24	23	41	8	12	3.3611
8.	Israel ditubuhkan di atas tanah asal penduduk Palestin.	50	35	17	2	4	4.1574
9.	Israel ialah sebuah negara dengan majoriti bangsa Yahudi.	47	45	14	1	1	4.2593
10.	Penubuhan Israel banyak ditentang oleh negara-negara lain.	52	27	25	3	1	4.1667
11.	Rakyat Palestin dipaksa keluar ketika penubuhan Israel.	47	35	19	4	3	4.1019
12.	Konflik Palestin-Israel telah berlarutan berdekad-dekad lamanya.	64	36	6	1	1	4.4907
13.	Deklarasi Balfour adalah titik permulaan penubuhan Israel.	28	18	58	3	1	3.6389
14.	Zionis ialah ideologi rasmi Israel.	46	18	18	4	1	4.1574
15.	Bukan semua orang Yahudi adalah Zionis.	24	38	33	4	9	3.5926
Min Keseluruhan							4.0102



Dapatan ini dapat disokong melalui bacaan min individu untuk item 10,11,12 dan 13 yang menunjukkan nilai bacaan min 4.1667, 4.1019, 4.4907 dan 3.6389. Soalan-soalan pada item ini menyentuh tentang konflik tersebut dari sudut sejarah. Rata-rata responden dapat menjawab dengan betul pada soalan-soalan yang ditanyakan.

Min individu tertinggi bagi konstruk tahap pengetahuan ialah pada item 12 yang bertanyakan responden sama ada bersetuju atau tidak yang konflik Palestin-Israel telah berlarutan berdekad-dekad lamanya. Min individu yang dicatatkan adalah pada nilai 4.4907. Ini bermakna mahasiswa OUM peka dengan perkembangan konflik yang berlaku di Timur Tengah tersebut. Menurut Oo Cheng Keat (2017), konflik di Palestin telah bermula seawal tahun 1917 lagi iaitu semasa Palestin masih dijajah British. Konflik Palestin-Israel bukannya konflik baru, ianya telah berlarutan berdekad-dekad lamanya.

Min individu terendah bagi konstruk tahap pengetahuan ialah pada item 7 iaitu responden ditanyakan tentang tahun penubuhan negara Israel. Min bagi item ini dicatatkan pada nilai 3.3611 dengan hanya 23 orang bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Satu lagi item yang mencatatkan min individu terendah ialah pada item 15 apabila responden ditanyakan tentang kenyataan yang bukan semua orang Yahudi adalah berfahaman Zionis yang sering menjadi salah anggap di kalangan masyarakat dunia. Seramai 33 orang responden (30.6%) menyatakan ketidakpastian mereka tentang kenyataan tersebut. Empat orang tidak bersetuju (3.7%) dan sembilan orang (8.3%) sangat tidak bersetuju. Pada pendapat pengkaji, fakta ini memang jarang diketahui oleh masyarakat umum, dan ini disokong dengan dapatan bagi item ini. Akan tetapi terdapat juga responden yang berpendapat sebaliknya tentang kenyataan tersebut. Seramai 38 orang responden (35.2%) bersetuju dengan kenyataan tersebut dan 24 orang responden lagi (22.2%) sangat bersetuju. Min individu bagi item ini dicatatkan pada nilai 3.5926.

Secara keseluruhannya, tahap pengetahuan mahasiswa OUM tentang konflik politik Palestin-Israel berada di tahap yang baik. Rata-rata responden mampu menjawab dengan betul soalan-soalan berkaitan fakta dan sejarah konflik Palestin-Israel. Perkara ini dilihat sangat positif kerana mahasiswa yang berpengetahuan dan peka dengan isu-isu semasa mampu melatih diri mereka sebelum berada di tengah masyarakat. Menurut Mohamad Abu Bakar (1981), mahasiswa adalah manifestasi dari status mereka sebagai pelajar universiti, fungsi mereka sebagai rakyat yang sudah dewasa dan situasi mereka sebagai kumpulan individu seringkali terdedah kepada dunia semasa. Pengaruh kemanusiaan ini mampu mewujudkan aspirasi mahasiswa bagi menegakkan gagasan keadilan, kebenaran dan kebebasan.

### ***Pandangan/Pendirian Mahasiswa Terhadap Konflik Politik Palestin-Israel***

Pandangan dan pendirian dalam konteks kajian ini merujuk kepada persepsi mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel. Ini adalah kerana sebagai seorang mahasiswa adalah wajar bagi mereka untuk menghadam sesuatu isu atau fakta dari perspektif akademik.

Hasil keputusan yang diperolehi dari analisis data deskriptif pandangan/pendirian mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel menunjukkan nilai min keseluruhan pada bacaan 3.987 (Jadual 6). Berdasarkan skor pengelasan min dan tahap penilaian oleh Mohd Majid Konting (2000) menunjukkan bacaan nilai tersebut dikelaskan di tahap yang tinggi.

**Jadual 6: Pandangan/Pendirian Mahasiswa**

No. Item	Pernyataan	Sangat Bersetuju	Bersetuju	Tidak Pasti	Tidak Bersetuju	Sangat Tidak Bersetuju	Min
16.	Punca utama konflik Palestin-Israel adalah disebabkan oleh pertelingkahan agama antara Islam dan Yahudi.	31	35	18	14	10	3.5833

17.	Konflik Palestin-Israel berpunca dari penjajahan Zionis ke atas tanah Palestin.	50	40	15	1	2	4.2500
18.	Penempatan haram di Palestin ialah bukti penjajahan Zionis ke atas Palestin.	51	32	21	2	2	4.1852
19.	'Tanah dijanjikan Tuhan' yang sering dilaungkan oleh Zionis hanyalah propaganda untuk menjajah Palestin.	45	33	24	5	1	4.0741
20.	Penempatan haram Israel di Palestin harus dihentikan sama sekali.	70	25	8	4	1	4.4722
21.	Israel patut mematuhi pelan pembahagian (Partition Plan) yang digariskan oleh PBB	49	24	25	7	3	4.0093
22.	Kota Baitulmaqdis patut dibahagikan diantara Palestin dan Israel mengikut pelan pembahagian (Partition Plan) PBB yang asal.	20	17	26	20	25	2.8796
23.	Pembabitan semua negara bangsa dan agama adalah penting dalam menangani konflik Palestin-Israel.	55	35	16	1	1	4.3148
24.	Idea dua negara (Two States) perlu dipertimbangkan dengan serius dalam menyelesaikan konflik Palestin-Israel	29	31	33	9	6	3.6296
25.	Amerika Syarikat tidak mempunyai hak 76 (De Jure) dalam mengisytiharkan Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.		15	13	1	3	4.4815
Min Keseluruhan							3.9871

Rata-rata responden mempunyai pandangan dan pendirian yang jelas terhadap konflik politik Palestin-Israel. Ini dapat dilihat pada item 20 yang mana responden ditanyakan sama ada penempatan haram Israel di Palestin harus dihentikan sama sekali atau tidak. Bacaan min individu untuk item ini mencatatkan pada nilai 4.4722 iaitu 70 orang responden sangat bersetuju yang penempatan haram tersebut harus dihentikan sama sekali. Bagi item 25 pula, responden ditanyakan sama ada Amerika Syarikat tidak mempunyai hak (De Jure) dalam mengisytiharkan Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel, seramai 76 orang responden sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut. Ini menunjukkan rata-rata responden berpendirian tegas terhadap konflik politik Palestin-Israel dan menentang penempatan haram Zionis di bumi anbia tersebut.

Antara item lain yang juga menunjukkan tahap ketegasan responden terhadap konflik politik Palestin-Israel ialah melalui item 22 apabila responden ditanyakan sama ada Kota Baitulmaqdis patut dibahagikan di antara Palestin dan Israel mengikut pelan pembahagian (Partition Plan) PBB yang asal. Sebanyak 25 orang responden memilih sangat tidak bersetuju manakala 20 orang lagi memilih tidak bersetuju. Bacaan min individu item ini mencatatkan min paling rendah iaitu pada 2.8796. Pada pendapat pengkaji hal ini berlaku kerana kenyataan tersebut bersifat sensitiviti agama memandangkan Kota Baitulmaqdis merupakan lokasi suci umat Islam selepas Mekah dan Madinah (Armstrong, 1997) dan tambahan pula majoriti responden kajian ini adalah mereka yang beragama Islam.

Kesimpulannya, berdasarkan dari hasil kajian, pandangan dan pendirian mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel adalah berada di tahap yang tinggi. Perkembangan ini dilihat sebagai sesuatu yang positif. Hal ini adalah kerana kemampuan mahasiswa dalam menilai sesuatu isu semasa dengan baik dapat dikongsi bersama dengan masyarakat. Menurut Rosmida (1999), mahasiswa dianggap sebagai ejen perubahan masyarakat yang dapat menimbulkan satu kelainan baru dalam mengajak masyarakat berfikir. Di samping itu kesedaran mahasiswa dalam isu-isu utama

seperti konflik politik Palestin-Israel dilihat dapat membantu membangunkan diri mereka secara menyeluruh (Hanum Hassan, 2014). Perkara ini dilihat sangat positif kerana dalam pembangunan negara. Masyarakat sivil yang celik kepada isu semasa menjadi pemangkin dalam mewujudkan suasana demokrasi yang sihat.

### ***Hubungan antara Tahap Pengetahuan dengan Pandangan/Pendirian Mahasiswa Terhadap Konflik Politik Palestin-Israel***

Hasil analisis korelasi Pearson bagi hubungan antara tahap pengetahuan dan pandangan/pendirian mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel adalah besar iaitu di antara 0.696 hingga 1.00 di mana nilai pekali korelasi ( $r$ ) = 0.696\*\* dan aras signifikan ( $p$ ) = 0.01. Bacaan ini menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dan pandangan/pendirian mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel (Jadual 5).

**Jadual 7: Ujian Korelasi Pearson.**

Hubungan antara dua pembolehubah	Nilai. r	Varians
Tahap Pengetahuan dan Pandangan/Pendirian	0.696	48.4%

\*\*Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2 hujung)

Dapatan kajian juga menunjukkan semakin tinggi pengetahuan mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel, semakin tegas pandangan dan pendirian mereka terhadap isu tersebut. Hal ini adalah kerana persepsi mahasiswa bergantung kepada pengetahuan yang mereka peroleh. Selain itu, responden juga menunjukkan pandangan dan pendirian yang lebih terbuka terhadap konflik politik Palestin-Israel kerana mereka mempunyai pengetahuan pada tahap yang tinggi tentang isu tersebut. Menurut Campbell (2008), persekitaran pembelajaran memberi pengaruh kepada tahap pengetahuan pelajar terhadap isu semasa.

Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Noodeyana dan Nur Aqilah (2017) yang mengkaji hubungan antara pengetahuan dan sikap mahasiswa UKM terhadap golongan OKU. Dalam kajian tersebut, ujian korelasi menunjukkan nilai  $r$  pada 0.460. Hubungan yang positif menunjukkan semakin tinggi pengetahuan mahasiswa berkenaan OKU, maka semakin positif sikap yang ditunjukkan oleh mahasiswa kepada golongan OKU.

Oleh yang demikian, kajian ini juga membuktikan bahawa tahap pengetahuan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pandangan/pendirian mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya melalui kajian ini didapati tahap pengetahuan mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel berada di tahap yang positif. Ini dapat dilihat dari bacaan min keseluruhan tahap pengetahuan mahasiswa OUM terhadap isu tersebut. Mahasiswa yang mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap isu-isu semasa adalah penting dalam menonjolkan imej intelektual yang sinonim dengan status sebagai seorang pelajar. Oleh itu, konsep penguasaan ilmu wajar menjadi prinsip utama dalam kehidupan setiap mahasiswa. Mahasiswa tidak sewajarnya menanam di jiwa bahawa pembelajaran hanya untuk lulus periksa, memenuhi keperluan kursus, atau sekadar untuk mendapat segulung ijazah sahaja. Sebaliknya, semangat cintakan ilmu merupakan momentum penting ke arah memahami erti hidup yang sebenar. Setiap ilmu yang dipelajari wajar

ditafsir dan difikirkan mengikut kacamata ilmiah yang betul. Melalui kajian ini juga, dapat dilihat pandangan/pendirian mahasiswa terhadap konflik politik Palestin – Israel juga berada di tahap yang tinggi. Apa yang dimaksudkan tahap yang tinggi ialah ukuran bagaimana mahasiswa OUM mentafsir dan bertindak balas melalui pandangan atau pendirian mereka terhadap isu tersebut. Hal ini adalah kerana, kesanggupan berfikir merupakan penghasilan ke arah pemahaman intelektual, kepimpinan berkesan dan memperlengkapkan mahasiswa dengan ilmu pengetahuan. Kesannya, hakikat akhir sesuatu proses berfikir mampu membawa mahasiswa ke landasan yang benar.

Bagi hubungan antara tahap pengetahuan dan pandangan/pendirian, ujian korelasi Pearson membuktikan terdapat perkaitan yang kuat antara tahap pengetahuan dan pandangan/pendirian mahasiswa OUM terhadap konflik politik Palestin-Israel. Ini bermakna semakin tinggi tahap pengetahuan mahasiswa tentang konflik politik Palestin-Israel, semakin ketara pandangan/pendirian mereka terhadap isu tersebut. Dapatan ini memberi gambaran betapa pentingnya ilmu pengetahuan kepada mahasiswa dalam mentafsir sesuatu isu dari sudut kacamata ilmiah. Oleh yang demikian, mahasiswa harus mempersiapkan diri dengan ilmu- ilmu pengetahuan dalam menjadi seseorang yang intelektual dan bersikap pragmatik dalam melihat sesuatu isu semasa seperti konflik politik Palestin-Israel.

Secara tuntasnya, konflik politik Palestin-Israel boleh dijadikan medan latihan kepada mahasiswa untuk memobilisasi diri dalam mencakna keupayaan mereka dalam memperjuangkan isu semasa. Dengan ilmu di dada, mahasiswa pastinya boleh menjadi pemimpin yang mampu melontar suara dalam menyedarkan masyarakat tentang isu pokok konflik tersebut. Ini adalah kerana, konflik politik Palestin- Israel sering dibincangkan dalam kerangka perang agama sedangkan isu tersebut lebih kepada isu kemanusiaan, isu kedaulatan dan isu politik.

Sebagai seorang yang intelektual dan mampu melihat isu tersebut dengan lebih pragmatik, mahasiswa berupaya membuka landasan baru kepada masyarakat umum untuk melihat isu tersebut dengan lebih luas. Konflik Palestin-Israel yang telah berlarutan berdekad-dekad lamanya memerlukan sokongan segenap lapisan untuk diperjuangkan. Ia tidak harus diperjuangkan sebagai isu agama kerana ini akan menghalang pemahaman isu tersebut dan sokongan daripada segmen lebih besar masyarakat. Dan disinilah fungsi mahasiswa sebagai agen perubahan yang dapat membina masyarakat ke landasan perjuangan yang betul. Dan dalam masa yang sama menyuburkan roh demokrasi.

Memang benar bukan mudah untuk membawa perubahan dalam masyarakat, namun mahasiswa perlu sedar yang mereka merupakan generasi yang akan mewarisi kepimpinan negara pada masa akan datang. Golongan ini juga merupakan pelapis berjiwa kental yang akan menjadi aset penting untuk kelangsungan perjuangan bangsa dan agama. Jatuh bangunnya masyarakat di masa hadapan banyak bergantung kepada komuniti intelek ini. Mahasiswa harus mengubah minda dari segi perancangan, strategi, program dan mekanisme pelaksanaan dalam memperjuangkan isu-isu semasa seperti konflik politik Palestin-Israel.

Oleh yang demikian, mahasiswa harus sentiasa bersedia untuk menghadapi cabaran untuk menjadi wakil kepada suara masyarakat. Hal ini kerana suatu hal yang diharapkan dari para pemikir, ilmuan dan mahasiswa adalah agar mereka menunjukkan langkah-langkah strategik untuk kebangkitan negara dan kegemilangan masyarakat. Lantaran itu, perlu diketahui bahawa titik-tolak kebangkitan ini adalah kebangkitan para mahasiswa yang juga golongan terdidik dan merupakan saham-saham yang sangat bernilai. Perlu segera disedari, bahawa mahasiswa unggul adalah generasi termahal dan paling berharga yang terdapat di setiap negara di dunia ini.

Maka secara tuntasnya, selain memainkan peranan penting dalam masyarakat, mahasiswa juga harus membumikan visi kecemerlangan bersepadu dan memobilisasi misi keserjanaan fikiran yang merupakan formula ampuh dalam melonjakkan usaha untuk mencipta kejayaan demi kejayaan yang bermakna. Gedung ilmu tidak patut sunyi dari perdebatan mencari kebenaran dan meninggikan lagi martabat ilmu demi kesejahteraan masyarakat. Segala permasalahan yang mendatang harus diselesaikan secara professional tanpa bertindak membuta tuli. Perkara ini pernah dinukilkan oleh Aristotle, seorang ahli falsafah Yunani dalam bukunya Nicomachean Ethics iaitu bahawa; “Adalah mudah bagi setiap manusia untuk meluahkan kemarahan dan mampu bertindak mengikut kemahuan kemarahannya, tetapi untuk meletakkan kemarahannya kepada orang yang betul, waktu yang tepat, tujuan yang baik, jalan yang hikmah dan tahap yang sepatutnya mereka menjadi marah, adalah tidak mudah dan payah untuk dilakukan” (Siti Fatimah, 1994). Sehubungan dengan itu, kesedaran mendalam di benak dan sanubari mahasiswa harus diperkukuhkan dalam memastikan suara generasi muda ini terus berkumandang dan disalurkan ke jalan yang betul. Suara hati nurani murni mahasiswa selaku generasi pelapis dan pewaris ini adalah merupakan azimat keramat yang menentukan kehidupan generasi mendatang.

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan kepada En. Oo Cheng Keat yang menjadi menjadi penyelia kepada kertas projek penyelidikan ini. Tunjuk ajar dan bimbingan dari En. Oo akan dikenang sampai bila-bila. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Kluster Pendidikan dan Sains Sosial, OUM dan dan semua yang telah terlibat dalam menjayakan kajian ini. Artikel jurnal ini adalah merupakan ekstrak daripada Kertas Projek Penyelidikan yang dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Politik di OUM.

## **RUJUKAN**

- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusof Boon, Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data*. PTS Publishing Sdn Bhd.
- Armstrong, K. (1997). *A History of Jerusalem: One City Three Faiths*. London: Harper Collins Publishers.
- Ashwad Ismail. (2017). Amerika Syarikat secara rasmi iktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel. Astro Awani. Diambil dari: <http://www.astroawani.com/berita-dunia/amerika-syarikat-secara-rasmi-iktiraf-baitulmaqdis-sebagai-ibu-negara-israel-162272>
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah Penyelidikan* (2nd ed.). Kuala Lumpur: McGraw-Hill Malaysia.
- Collins, J. & Hussey, R. (2009). *Business Research: A Practical Guide for Graduate and Undergraduate*. 3rd Edition. United Kingdom: Palgrave Macmillan.
- Danial Zainal Abidin. (2008). *Minda Muslim Super*. Kuala Lumpur: Penerbitan PTS Millenia.
- Ghafar, M. N. A. (2003). *Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Hanum Hassan. (2014). *Persepsi Mahasiswa Terhadap Pelaksanaan GST di Malaysia: Kajian Ke atas Mahasiswa Universiti Malaysia Perlis*. Kertas Persidangan diambil dari: <https://www.researchgate.net/publication/263353342>

- Khaled Diab. (2015). The Israeli-Palestinian Conflict is Not About Religion. Haaretz.com. Diambil dari: <https://haaretz.com/opinion/.permium-1.671543>
- Ibnu Khaldun. (2002). Mukadimah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim Ali. (1996). Gelagat pencarian maklumat di Jabatan Perkhidmatan Perancangan dan Jabatan Pengajian Malaysia. Diambil dari [www.sprinst.uum.edu.my/435/1/ibrahim\\_bin\\_ali .pdf](http://www.sprinst.uum.edu.my/435/1/ibrahim_bin_ali.pdf)
- Mohamad Abu Bakar. (1973). Mahasiswa Menggugat. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Mohd. Majid Konting. (2000). Kaedah penyelidikan pendidikan. Edisi Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mohd Roslan Mohd Nor. (2010). Konflik Palestin-Israel dari aspek sejarah moden dan langkah pembebasan dari cengkaman Zionis. Jurnal Al-Tamaddun Bil. 5 (2010) 73-92.
- Oo Cheng Keat. (2017). International History. Selangor: Meteor Doc Sdn. Bhd.
- Othman Talib. (2013). Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik. Selangor: Penerbitan Putra Malaysia.
- Rogers, E. M. (2003). Diffusions of Innovations (5th ed). New York: Free Press
- Rosmida Abdul Rahman. (1999) 'Kembalikan Student Power', Tamadun, November 1997, ms56.
- Saifuddin Abdullah. (2009). Kalau Saya Mahasiswa. e-book. Diambil dari: [http://www.saifuddinabdullah.com.my/ebook/kalau\\_saya\\_mahasiswa\\_2.pdf](http://www.saifuddinabdullah.com.my/ebook/kalau_saya_mahasiswa_2.pdf)
- Siti Fatimah Abdul Rahman. (1994). Asas-asas Masyarakat Cemerlang: Kumpulan Rencana yang Telah Disiarkan di Akhbar, Jilid 2 (ed). Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

**Muhammad Jeffery Hizwan bin Said**  
Kluster Pendidikan dan Sains Sosial  
Open University Malaysia (OUM)  
[jeffryhizwan@oum.edu.my](mailto:jeffryhizwan@oum.edu.my)